

**Bil. 52**

**Jumaat  
25 Oktober 1996**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

## KANDUNGAN

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 1997

(Ruangan 1 )

**USUL:**

Anggaran Pembangunan 1997

(Ruangan 20)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

“ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)

“ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

“ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

“ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

“ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)

“ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)

“ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)

“ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)

“ Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

“ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

“ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

“ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

“ Tuan Asmat Nungka (Beluran)

“ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)

“ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

“ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

“ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

“ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)

“ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)

“ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

“ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

“ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

“ Puan Chua Soon Bui (Tawau)

Yang Berhormat Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)



- Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

- Yang Berhormat Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

Yang Berhormat Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

“ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

“ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

“ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

“ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)

“ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

“ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

“ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**PARLIMEN MALAYSIA****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan	:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Salamat

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Hajah Supiah binti Dewak Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Zaharah binti Naim Norwahidah binti Azizi Jainah binti Sakimin Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat	:	Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Jumaat, 25 Oktober 1996****Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1997****Bacaan Kali Yang Kedua**

**Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1997 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk tahun itu" dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Abad ke-21 dan alaf baru semakin hampir. Dunia menantikan fajar zaman tersebut dengan penuh debaran. Kita ingin melihat dunia yang lebih aman dan makmur; satu dunia yang mengikut peraturan dan tatacara yang lebih adil dan saksama. Namun begitu, hari esok mengandungi cabaran yang mungkin melanda laksana taufan. Sedangkan hari ini pun dunia dikejutkan revolusi teknologi yang merubah masyarakat dan kebudayaan. Gelombang masa depan juga pasti membawa arus yang menggugat benteng pertahanan kebudayaan dan pengenalan rupa bangsa.

Tetapi usahlah kita memandangkan masa depan dengan rasa gusar atau gementar. Kita tidak akan hanyut kalau kita berkeyakinan. Dan seperti yang digesa oleh Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, kita harus bersedia melakukan reformasi untuk membina tamadun. Reformasi masyarakat dan budaya ada prasyarat untuk membina jambatan yang teguh menuju ke abad 21. Jambatan tersebut tidak lain dari ekonomi yang tangkas dan masyarakat yang adil. Ekonomi akan sentiasa tangkas sekiranya ia pantas berubah mengikut masa, melakukan transformasi dan lompatan struktural. Ekonomi kita perlu digerakkan oleh kepintaran dan daya reka. Sektor pembuatan akan terus penting tetapi kekuatan baru akan dirangsang oleh sektor perkhidmatan, dan industri berasaskan maklumat. Masyarakat adil akan tebina apabila kemakmuran dan keselesaan bertepatan luas di kalangan rakyat dan tidak berlegar di sekeliling segelintir manusia. Manakala mutu hidup pula dihubungkan dengan darjat dan martabat insan dari sudut akhlak dan budaya. Prasyaratnya ialah agenda sosial yang jelas dan berkesan.

Inilah inti perbincangan ekonomi Malaysia, rantau ini dan masyarakat antarabangsa menjelang abad baru. Ekonomi dunia dijangka tumbuh lebih mantap tahun ini, 3.8 peratus berbanding dengan 3.4 peratus tahun lalu. Prestasi ekonomi negara maju umumnya lebih meyakinkan. Asia Timur terus berada di hadapan manakala Amerika Latin dan Afrika mula menapak ke arah pertumbuhan. Sementara asas ekonomi kelihatan semakin kukuh, masalah sosial semakin meruncing. Pengangguran di negara-negara maju tidak kunjung reda; bahkan di beberapa negara Eropah kadarnya meningkat. Mereka juga bregelut dengan persoalan keadilan sosial dan isu moral. Apartheid ekonomi kian merebak, dengan

ketimpangan yang begitu ketara sehingga golongan kelas bawahan mereka menyamai mutu kehidupan dhaif kelompok jembel negara-negara membangun.

Masalah pengangguran dan kemelut sosial yang dihadapi oleh negara-negara industri akan bergema di (WTO) sebagai muslihat mengenakan syarat dan sekatan baru. Kerana mengabaikan masalah hambatan struktural, akibatnya mereka tercabar dengan tangkasnya saingan negara industri baru. Pimpinan mereka mengambil jalan mudah untuk menangani masalah kembali kepada dasar perlindungan dan sekatan perdagangan. Isu-isu bukan perdagangan seperti piawai buruh, alam sekitar dan peraturan baru pelaburan akan diseludup ke dalam agenda WTO. Andai kata muslihat ini berhasil, pertelingkahan perdagangan boleh meletus dan kestabilan ekonomi dunia terganggu. Jawapan kepada tantangan tersebut ialah kerjasama lingkungan dan premuafakatan serantau seperti gagasan Rundingan EAEC.

Ekonomi Malaysia mempunyai daya dan kekuatan untuk membina jambatan yang dimaksudkan. Ini justeru kerana pertumbuhan terus kukuh bersama iltizam kita menjamin keadilan dan kesaksamaan. Pada tahun ini, pertumbuhan ekonomi dijangka pada kadar 8.2 peratus. Walaupun lebih rendah daripada 9.5 peratus yang dicapai tahun lalu, namun ia tetap mampan, melambangkan asas ekonomi yang teguh dan menjangkau satu dekat. Inflasi dikawal di paras rendah, iaitu 3.6 peratus. Berbanding dengan negara-negara industri yang bergelut dengan masalah pengangguran, kita terus menikmati gunatenaga penuh. Antara manfaat pertumbuhan secara lebih menyeluruh ialah:

- (i) Pendapatan per kapita rakyat meningkat daripada RM10,058 atau AS\$4,008 kepada RM11,118 atau AS\$4,457. Dari segi perbandingan kuasa beli (purchasing power parity), pendapatan per kapita negara ada tiga kali lebih tinggi, iaitu AS\$12,508;
- (ii) Kewangan Kerajaan Persekutuan terus kukuh. Hasil dari dasar fiskal berhemat, akaun semasa kerajaan mencatatkan lebih banyak RM14.7 bilion, sementara lebih keseluruhan berjumlah RM1.4 bilion;
- (iii) Kadar tabungan kasar adalah antara yang tertinggi di dunia, meningkat kepada 38.8 peratus daripada Keluaran Negara Kasar berbanding 36.5 peratus dalam tahun 1995. Kadar ini mengatasi Korea Selatan dan Jepun;
- (iv) Pasaran modal bertambah kukuh. Bilangan syarikat baru yang disenaraikan meningkat kepada 61 dalam tempoh Januari-September 1996, berbanding dengan 36 syarikat dalam tempoh yang sama tahun lalu. Jumlah permodalan pasaran meningkat kepada RM747.6 bilion daripada RM556 bilion. BSKL kini bursa terbesar di ASEAN dan ketiga di rantau Asia Pasifik;
- (v) Kedudukan taraf kredit Malaysia yang tinggi di peringkat antarabangsa telah memudahkan agensi-agensi kerajaan memperolehi modal di pasaran antarabangsa. Terbitan Bon Global Petronas telah berjaya menarik jumlah langganan bernilai AS\$1.9 bilion berbanding langganan sebanyak AS\$1 bilion ketika dilancarkan. Penerbitan bon korporat ini merupakan yang kedua terbesar di dunia dan telah berjaya dibuat pada kadar julat terendah;

- (vi) Mutu pendidikan meningkat dengan bertambahnya bilangan guru siswazah kepada 58 peratus daripada jumlah guru sekolah menengah berbanding 36 peratus dalam tahun 1990. Keluaran graduan sains dan teknikal meningkat kepada 42 peratus daripada 37 peratus dalam jangka waktu yang sama; dan
- (vii) Rakyat lebih mudah memperolehi ilmu dan maklumat dengan bertambahnya bilangan perpustakaan awam kepada 487 daripada 288 lima tahun yang lalu, 76 peratus perpustakaan terletak di kawasan desa. Liputan radio dan televisyen bertambah kepada 95 dan 90 peratus di Semenanjung dan 85 peratus di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, ramai yang takjub dengan kejayaan ekonomi Malaysia. Berkat pertumbuhan bermutu, kita telah dapat berperanan dengan berkesan di arena antarabangsa dan perancangan, pembangunan serta pentadbiran Malaysia telah ditampikan sebagai model. Keadaan ini membolehkan kita menjalin rangkaian ekonomi antarabangsa terutamanya negara serantau dan selatan dan seterusnya mencipta peluang perniagaan dan meneroka pasaran baru. Sementara kita turut bersyukur, janganlah sampai terlena dibuai pujian. Sesungguhnya kemampuan selama ini pun adalah justeru kerana kebijaksanaan, sikap luwes dan terbuka melakukan penyesuaian struktural ke arah nilai tambah dan lapangan kerja produktif. Prestasi kita terus dinilai, kelemahan diatasi dan cabaran ditangani; bak yang kusut harus dirongkai, yang keruh harus dijernihkan, supaya bila pandai meniti buih barulah selamat badan ke seberang;

- (i) Pertumbuhan yang masih didorong oleh pelaburan. Untuk berjaya, pertumbuhan ekonomi perlu lebih didorong oleh produktiviti;
- (ii) Formula berkesan untuk menyelesaikan masalah imbalan pembayaran ialah memesatkan pertumbuhan eksport dan mengurangkan import kerana telah tiga tahun imbalan asas mengalami defisit, dan tahun ini sebanyak RM2.4 bilion;
- (iii) Keperluan merangsang peralihan kepada industri berintensif modal untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja;
- (iv) Menjayakan prinsip al-adl wal ihsan dan keperluan merawat penyakit masyarakat yang muncul akibat goyahnya institusi keluarga, rapuhnya institusi sosial dan merosotnya akalbudi; dan
- (v) Pencemaran alam sekitar perlu dibendung.

Belanjawan yang dikemukakan, baik berupa perbelanjaan, prakarsa percukaian dan kebajikan kewangan bertujuan untuk memperkukuh asas ekonomi serta menjamin kemakmuran rakyat. Strategi Belanjawan 1997 dirangka untuk memastikan pertumbuhan ekonomi terus mantap dalam jangka sederhana dan panjang:

- (i) mencapai pertumbuhan mampan yang didorong oleh peningkatan produktiviti;

- (ii) memperkukuh kedudukan imbangan pembayaran dengan sektor perkhidmatan sebagai pemangkin pertumbuhan dan meningkatkan keupayaan sektor pengeluaran tempatan; dan
- (iii) memantapkan agenda pembangunan sosial.

Saya mencadangkan sejumlah RM59.982 bilion diperuntukkan bagi tahun 1997, iaitu RM42.713 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM17.269 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Jumlah ini kurang sebanyak 1.2 peratus berbanding dengan peruntukan tahun 1996.

Sungguhpun cukai diturunkan sebelum ini, hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1997 dijangka terus meningkat kepada RM60.778 bilion. Dengan mengambilkira jumlah terimaan balik pinjaman sebanyak RM1.650 bilion, akaun Kerajaan Persekutuan akan mencatatkan lebih sebanyak RM2.446 bilion bagi tahun 1997 – mengulangi kejayaan belanjawan berimbang lima tahun berturut-turut.

Daripada jumlah peruntukan mengurus, RM21.435 bilion di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap geran untuk kerajaan negeri dan badan-badan berkanun, bayaran khidmat hutang negara, bayaran pencen serta sumbangan kepada kumpulan wang terkanun. RM13.077 bilion adalah untuk emolumen anggota perkhidmatan awam; RM5.890 bilion untuk perkhidmatan dan bekalan serta penyelenggaraan; RM1.058 bilion untuk perolehan aset sementara baki sebanyak RM1.253 bilion adalah bagi pelbagai bayaran seperti bayaran balik cukai.

Daripada peruntukan pembangunan, sejumlah RM7.948 bilion atau 46.0 peratus adalah untuk sektor ekonomi, RM5.036 bilion atau 29.2 peratus untuk sektor sosial, RM2.776 bilion atau 16.1 peratus untuk sektor keselamatan dan RM1.009 bilion atau 5.8 peratus adalah untuk perkhidmatan am. Baki sejumlah RM500 juta adalah untuk Simpanan Luar Jangka.

Lebih separuh pertumbuhan berpunca daripada peningkatan pelaburan modal. Nisbah pelaburan kepada KNK juga tinggi, iaitu 45.1 peratus. Justeru itu, pendekatan pembangunan perlu dialih daripada pertambahan pelaburan semata-mata kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti. Ini termasuklah peningkatan kecekapan menerusi penggunaan teknologi tinggi, memperbaiki mutu pelaburan serta menggilap ketrampilan sumber manusia, pengurusan dan keusahawanan.

Pertumbuhan pesat telah menyebabkan ketergantungan berlebihan kepada sumber tenaga pekerja asing. Jumlah keseluruhan pekerja asing yang sah dan pekerja asing tanpa izin hampir 2 juta. Negara tidak wajar mempertahankan dasar ketergantungan tersebut kerana kesan negatif jangka panjang terhadap ekonomi serta permasalahan sosial yang berbangkit. Lantaran itu, kerajaan bertegas melarang kemasukan pekerja asing yang baru, dengan cadangan penguatkuasaan yang lebih berkesan termasuk menghukum pekerja, majikan atau agen pekerja yang didapati bersalah. Walau bagaimanapun, permasalahan tersebut akhirnya akan dapat ditangani dengan mengalihkan industri berintensif buruh kepada industri berintensif modal dan otomasi serta latihan bagi memaksimum keupayaan tenaga kerja tempatan.

Buruh kita produktif tetapi kadar kenaikan upah adalah lebih tinggi (8.6 peratus) berbanding dengan kadar kenaikan produktiviti iaitu 3.9 peratus dalam tempoh 7 bulan pertama tahun ini. Ini membimbangkan. Garis panduan Mengenai Reformasi Gaji memperkenalkan sistem upah yang berasaskan produktiviti bagi meningkatkan daya saing dan memupuk keharmonian perhubungan perindustrian, di samping memastikan pekerja menikmati ganjaran yang sewajarnya. Garis panduan tersebut akan dijadikan asas pertimbangan kerajaan dan sewajarnya dimanfaatkan oleh sektor swasta.



Galakan Elaun Pelaburan Semula disediakan bagi mendorong syarikat perkilangan dan pertanian untuk meningkatkan keupayaan, mempelbagaikan keluaran atau memodenkan operasinya. Pada masa ini, pengecualian cukai yang boleh dinikmati dalam satu-satu tahun taksiran dihadkan setakat 70 peratus daripada pendapatan berkanun. Galakan sekarang tidak semestinya membawa kepada peningkatan produktiviti dan bagi menggalakkan syarikat membuat pelaburan semula yang dapat menunjukkan produktiviti yang ketara, saya mencadangkan supaya kadar pengecualian dinaikkan daripada 70 peratus ke 100 peratus daripada pendapatan berkanun.

Proses perindustrian kekal sebagai salah satu jalur kegiatan ke arah pertumbuhan. Namun industri kini, memerlukan peralihan strategik kepada industri yang berasaskan pengetahuan, berintensif modal dan berteknologi tinggi. Maka galakan-galakan tertentu akan diberi bagi memajukan kegiatan berikut:-

- (a) Industri berteknologi tinggi – Industri fabrikasi wafer terpilih yang merupakan teknologi teras dalam industri semikonduktor akan digalakkan. Ia dapat mengukuhkan rantaian antara industri, di samping meningkatkan kemahiran;
- (b) Kegunaan multimedia – Koridor Raya Multimedia (MSC) diperkenalkan sebagai pemangkin dan pendorong terhadap perkembangan industri maklumat terkini. Lapan bidang khusus akan dimajukan, termasuk teleperubatan, sekolah cangguh, kelompok pembangunan penyelidikan, kad pelbagai guna dan pentadbiran kerajaan secara elektronik;

Sehubungan ini, saya mencadangkan galakan berikut diberi kepada syarikat yang diiktiraf oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dengan syarat yang akan ditentukan;

- (i) Taraf Perintis sehingga sepuluh tahun atau Elaun Cukai Pelaburan sehingga 100 peratus bagi syarikat baru atau kepada syarikat sedia ada ke atas pendapatan tambahan;
  - (ii) Pengecualian semua cukai ke atas peralatan multimedia;
  - (iii) Galakan istimewa untuk syarikat yang kehadirannya mendorong syarikat-syarikat lain menjalankan operasinya di bandar raya teknologi maklumat (IT City);
  - (iv) Garis panduan khas bagi mengawal urusan mata wang asing dan pinjaman;
  - (v) Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan diberi pembiayaan di bawah IRPA; dan
  - (vi) Pengambilan pegawai dagang dibenarkan mengikut keperluan.
- (c) Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) – Sebanyak RM721.4 juta diperuntukkan bagi melaksanakan Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi dan program-program penyelidikan di bawah IRPA, MIMOS termasuk perkhidmatan JARING dan prasarana raya maklumat negara,

SIRIM Berhad dan lain-lain seperti Lembaga Pelesenan Tenaga Atom dan PUSPATI.

Kerajaan juga telah bersetuju supaya syarikat swasta dibenar mengguna peruntukan IRPA bagi aktiviti penyelidikan terpilih supaya hasil penyelidikan itu lebih mudah didagangkan.

Syarikat masih menghadapi masalah mendapatkan galakan potongan dua kali bagi aktiviti P&P yang dijalankan secara dalaman. Bagi memudahkan proses permohonan, saya bercadang semua permohonan untuk mendapatkan galakan tersebut dikemukakan terus kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berkuatkuasa mulai 1 Januari 1997. Dengan demikian, syarikat boleh menikmati galakan cukai ini dengan lebih segera.

Syarikat yang menjalankan kegiatan P&P tertakluk kepada perundangan cukai perkhidmatan apabila syarikat tersebut menyediakan khidmat nasihat/perundingan. Saya mencadangkan supaya perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat P&P yang diluluskan tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

Penswastaan telah mengurangkan beban kewangan Kerajaan, meningkat kecekapan dan produktiviti. Sehingga September 1996, sejumlah 401 projek telah diswastakan, termasuk projek pembinaan, perkilangan, penyediaan prasarana dan projek-projek pengangkutan dan perhubungan. Penjimatan perbelanjaan modal berjumlah RM 96.2 bilion, sementara seramai 98,000 anggota perkhidmatan awam telah dipindahkan kepada sektor swasta. Syarikat-syarikat konsesi utama dikehendaki memainkan peranan lebih aktif dalam pembangunan sosio-ekonomi. Selaras dengan itu, Unit Perancangan Ekonomi sedang menggubal garis panduan untuk memastikan syarikat-syarikat berkenaan melaksana tanggungjawab sosial secara telus; menyediakan kemudahan desa, meningkatkan latihan kemahiran dan sebagai perangkai dan pemangkin pertumbuhan wiraswasta baru, terutamanya di kalangan Bumiputera. Sementara perniagaan mereka harus berdaya maju dan lumayan, namun ruang legar tanggungjawab sosial perlu dipikul bersama. Rencana tersebut pasti gagal seandainya peluang penswastaan dikerah secara kongkalikung atau persekongkolan. Gesaan Perdana Menteri umpamanya, supaya penjanakuasa elektrik persendirian (IPP) menyeragamkan kadar bayaran supaya tidak membebankan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pihak pengguna perlu diberi perhatian segera.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sumber daya manusia masih merupakan strategi paling berkesan bagi menjamin mibiliti sosial dan merapatkan kesenjangan yang kian melebar. Tuntutan kini lebih mendesak justeru peralihan negara ke arah negara industri dan dalam menghadapi persaingan dunia sejagat. Tahap profesionalisme, kemahiran dan ketrampilan serta kepakaran pentadbiran dan pengurusan dianggap kritikal. Tetapi sementara aspek pembinaan sumber daya manusia mendesak, perlu digilap hasrat murni pendidikan membentuk syahsiah dan peribadi yang dapat mengenal antara yang benar dengan yang salah, pandai menampi antah dari beras. Pendidikan perlu mengadun ilmu dengan amal seperti yang ditegaskan oleh ahli hikmah Islam: "*Al-limu billa-amalin kashadari billa-kamari - Ilmu tanpa amal umpama pohon tiak berbuah*". Ini juga yang diungkapkan oleh filasuf Neo-Kunfutzeisme Wang Yang-Ming yang mengatakan: dengan izin, 'bahasa Cina' "*Ilmu adalah permulaan amal dan amal merupakan penyempurnaan ilmu*".

Sebanyak RM13.2 bilion disediakan untuk sektor pendidikan dan latihan tenaga kerja. Dari jumlah tersebut, hampir RM10 bilion adalah untuk keperluan sekolah pelaksanaan Program Komputer Dalam Pendidikan; pembiayaan institusi pengajian tinggi. Program lain lain termasuk naik taraf sekolah-sekolah teknik, vokasional dan politeknik, program latihan di institusi latihan peindustrian (ITI), Institusi-institusi Kemahiran Belia Negara serta pusat-pusat Giat MARA.

Tabung Pembangunan Sumber Manusia sebanyak RM293.4 juta dikumpul daripada 5,100 syarikat dan telah dapat melatih seramai 950,300 pekerja bagi tempoh 1994 sehingga Ogos 1996. Bagi tahun 1997, seramai 300,00 pekerja lagi akan diberi latihan.

Peruntukan biasiswa dan pinjaman persekolahan berjumlah RM1.2 bilion. Sebagai langkah persediaan ke arah pengkorporatan universiti, disediakan sumbangan pelancaran Dana Pendidikan Tinggi sebanyak RM100 juta. Dan ini merupakan skim pinjaman kepada pelajar yang mendapat tempat di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan tetapi menghadapi masalah kewangan. Kutipan bayaran balik pinjaman kepada Dana ini akan dibuat melalui Lembaga Hasil Dalam Negara. [Tepuk] Beberapa badan korporat Kerajaan telah menubuhkan institusi pengajian tinggi termasuk Institut Teknologi Petronas di Perak, Universiti Telekom (UNITEL) di Melaka dan Institut TNB di Selangor selain dari inisiatif sektor swasta. Kursus di UNIMAS di Sarawak di tambah dan pembinaan kampus Universiti Malaysia Sabah dimulakan. Di samping itu, sebuah universiti multimedia swasta akan ditubuhkan di Koridor Raya Multimedia.

Kerajaan membenarkan kemasukan pensyarah asing untuk mengatasi kekurangan kepakaran. Dengan itu, saya mencadangkan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50 peratus ke atas pendapatan pensyarah bukan pamanstautin yang memberi syarahan di institusi yang diluluskan. Pengecualian ini hanya diberikan kepada pensyarah yang mengajar dalam bidang-bidang terpilih iaitu sains, kejuruteraan kemahiran teknikal, falsafah, teknologi maklumat teknologi tinggi dan lain-lain disiplin yang kritikal.

Seterusnya, saya mencadangkan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50 peratus diberi ke atas pendapatan mana-mana organisasi atau syarikat bukan pemastautin yang diperolehi daripada khidmat syarahan mereka di institusi pendidikan yang diluluskan.

Sejumlah RM261 juta diperuntukkan bagi melaksanakan tiga program utama iaitu pembangunan teknologi, pemerolehan teknologi dan memperdagangkan teknologi. Ini merupakan langkah susulan mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja dalam sektor perindustrian.

Pusat Rekabentuk Teknologi akan ditubuhkan di Taman Teknologi Malaysia untuk melatih tenaga mahir dalam usaha meningkatkan mutu barangan industri yang mampu bersaing di pasaran antarabangsa. Bagi memperkenalkan dan menggalakkan penggunaan teknologi robotik, Pusat Mudahubah Pembuatan (Flexible Manufacturing Centre) akan juga diwujudkan.

Prasarana dan kemudahan awam akan terus diberi keutamaan dengan memperolehi peruntukan sebanyak RM5.1 bilion. RM2.9 bilion ialah untuk pembangunan jalan raya dan jambatan, RM889.5 juta untuk pengangkutan kereta api dan selebihnya untuk pembangunan lapangan terbang dan bekalan air dan elektrik.

Keupayaan dan kecekapan pelabuhan terus diperbaiki melalui pembinaan dermaga serbaguna di Pelabuhan-pelabuhan Johor, Bintulu dan Klang. Bagi mengurangkan kesesakan Kuala Lumpur, dua sistem (LRT) sedang dilaksanakan. Sistem LRT Fasa I akan mula beroperasi pada bulan November ini. Lapangan Terbang (KLIA) dijangka akan beroperasi pada awal 1998. Tenaga Nasional akan memperkemas pengurusan sistem penghantaran supaya tiada bergelap dan pengagihan tenaga elektrik serta penjanaan bersama-sama dengan IPP. Telekom Malaysia pula akan memodenkan sistem rangkaian utama melalui program digital dan sistem diversiti untuk transmisi jarak jauh.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kadar tabungan negara terus meningkat, peningkatan pelaburan juga tinggi. Ini telah menyebabkan jurang tabungan pelaburan masih lebar pada kadar 6.3 peratus daripada KNK. Oleh itu, tabungan domestik tidak mencukupi untuk membiayai jumlah pelaburan negara akan menggalakkan kecenderungan

untuk menabung termasuk di kalangan suri rumah, pekerja dan pelajar dan mengikis sikap boros dan membazir di kalangan sektor swasta dan awam.

Penggunaan 'smart card' dan kad kredit semakin meluas. Namun, ia harus dibezakan dengan kecenderungan berbelanja berlebihan dan berhutang. Jangan nantinya hutang biduk belum langcai, hutang pengayuh tiba pula. Kemudahan wang plastik bercambah melebihi dua juta. Sebagai langkah perbelanjaan berhemat, saya mencadangkan cukai perkhidmatan RM50 setahun dikenakan ke atas semua bentuk kad kredit, termasuk yang diberi percuma baru-baru ini. *[Ketawa]*

Gerakan koperasi berkembang pesat pada akhir tahun 1995, modal sahamnya berjumlah RM2.5 bilion. Pada masa ini, sesebuah koperasi yang mempunyai kumpulan wang anggota sehingga RM500 ribu tidak dikenakan cukai pendapatan. Bagi menggalakkan koperasi berkembang, saya mencadangkan supaya tahap ini dinaikkan sehingga RM750 ribu.

Pada masa ini, jumlah premium insurans nyawa dan caruman kepada KWSP yang dibenarkan sebagai pelepasan dalam pengiraan cukai pendapatan individu adalah sehingga RM5,000. Walau bagaimanapun, bagi premium insurans nyawa, pembayar cukai hanya dibenarkan untuk mendapat pelepasan sehingga 7 peratus daripada nilai polisi insurans nyawanya sahaja. Dengan sekatan ini, pembayar cukai mungkin tidak dapat menikmati secara maksimum pelepasan yang diberi. Saya mencadangkan supaya sekatan ini dimansuhkan. Dengan demikian, kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana boleh menikmati pelepasan yang lebih tinggi daripada yang dibenarkan sekarang.

Kadar inflasi telah dapat dikekalkan pada paras rendah, hasil gabungan dasar kewangan dan fiskal yang berhemat. Namun, kadar inflasi terendah masih belum dicapai. Oleh itu, langkah-langkah berikut akan diperhebatkan.

- (a) Memastikan bekalan makanan yang mencukupi dengan menyediakan kawasan tanah baru untuk pertanian dan rangkaian pengagihan yang berkesan. Sejumlah RM1.7 bilion disediakan untuk pengurusan dan pembangunan pertanian, perikanan dan penternakan. Tabung Makanan telah ditambah kepada RM600 juta. Pengeluaran ikan melalui akuakultur dan pengeluaran buah-buahan dan sayuran akan diberi tumpuan utama. Keberkesanan sistem pemasaran dan rangkaian pengagihan termasuk pembinaan bilik sejuk dan pasar tani akan diperbanyakkan. Kerajaan juga terus melonggarkan syarat-syarat pengimportan barang makanan seperti daging, ayam dan sayuran apabila perlu.
- (b) Sejak Belanjawan 1994, lebih daripada 5,000 jenis barangan telah dihapus atau dikurangkan cukai import bagi meredakan tekanan kenaikan kos termasuk kos menjalankan perniagaan. Tuntas dengan dasar tersebut, saya mencadangkan supaya pengilang barangan terpilih tidak bercukai jualan dibenarkan memperolehi bahan mentah dan komponennya bebas dari cukai jualan. Ini meliputi semua peralatan komputer termasuk "modem"; pelbagai jenis barangan pembungkusan; bahan-bahan pembuatan batik, industri percetakan, pembikinan tayar celup, alat penyembur racun serangga dan makhluk perosak untuk pertanian dan hortikultur.
- (c) Saya ingin mencadangkan juga supaya duti import dan cukai jualan ke atas beberapa barangan dihapuskan atau dikurangkan seperti ikan bilis, tenggiri dan tuna dalam tin; peralatan

pergigian bagi mengganti gigi rongoh, [Ketawa] jombang atau palam gigi; kosmetik agar kelihatan lebih ceria; cuma jangan di Kelantan deodoran agar yang hamis menjadi semerbak; [Ketawa] produk-produk kertas dan semua jenis kertas untuk percetakan dengan maksud mengurangkan kos penerbitan, terutamanya untuk kegunaan sekolah-sekolah.

- (d) Kepentingan para pengguna akan dipelihara melalui penguatkuasaan untuk membendung amalan perniagaan tidak beretika. Peruntukan sebanyak RM92.1 juta disediakan untuk program membanteras inflasi seperti Kempen Inflasi Sifar dan pengawasan harga yang melibatkan 75 barangan keperluan asasa harian bagi golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah imbalan pembayaran yang kita hadapi sebenarnya mencerminkan kenyataan bahawa ekonomi Malaysia sedang mengalami transformasi: dari industri berasaskan buruh kepada industri berintensif modal; dari kilang pemasangan kepada proses bersepadu dalam nilai rantaian pengeluaran; dari zaman mekanikal ke era digital, dari sekadar menerima teknologi kepada pengeksport teknologi dan perkhidmatan. Bahkan perkembangan ekonomi negara industri dan dunia menjurus ke arah perkhidmatan dan teknologi canggih.

Untuk mengatasi masalah imbalan pembayaran, kita memerlukan lonjakan dalam sektor perkhidmatan, termasuk galakan mengeksport perkhidmatan profesional, maklumat dan keluaran yang berasaskan perkhidmatan seperti produk kebudayaan. Kemajuan sains angkasa, khususnya melalui MEASAT perlu dimanfaatkan untuk mencapai matlamat tersebut.

Sebagai usaha untuk meningkatkan daya saing di pasaran eksport, saya mencadangkan perkhidmatan profesional termasuk kewangan, kejuruteraan, guaman dan perakaunan yang dieksport dikecualikan daripada cukai perkhidmatan.

Sumbangan sektor pelancongan masih boleh dipertingkatkan melalui beberapa pendekatan baru seperti memasarkan Malaysia sebagai pusat persidangan dan pameran.

Sejumlah RM294.5 juta diperuntukkan kepada sektor pelancongan, diantaranya untuk penyediaan hotel kos murah, peningkatan kemudahan rumah-rumah rehat dan aktiviti promosi pelancongan dan melencong (*Ketawa*). Matlamat kita adalah untuk mencapai 9.5 juta pelancong asing bagi tahun 1997 di samping mengurangkan kecenderungan rakyat Malaysia melancong ke luar negeri. Bagi tahun 1995, seramai 6.3 juta rakyat Malaysia telah keluar negeri dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM5.8 bilion berbanding dengan 7.5 juta pelancong asing yang datang ke Malaysia yang menghasilkan pendapatan sebanyak RM9.9 bilion.

Bagi menggalakkan sektor swasta meningkatkan kegiatan pelancongan, saya mencadangkan galakan cukai dalam bentuk Elaun Cukai Pelaburan atau Taraf Perintis bagi tempoh lima tahun diberikan kepada projek :

- (a) pembinaan hotel kos sederhana dan kos rendah;
- (b) kem percutian;
- (c) pembesaran yang sedia ada; dan
- (d) pembinaan pusat-pusat persidangan utama.

Syarikat tempatan yang menganjurkan persidangan dan membawa masuk sekurang-kurangnya 500 peserta dari luar negara juga diberikan pengecualian cukai pendapatan sehingga tahun 2000.

Beberapa insentif disediakan bagi membantu pertumbuhan industri perkapalan negara seperti mewujudkan Tabung Perkapalan dan memberi pengecualian cukai ke atas pendapatan daripada pengendalian kapal oleh syarikat-syarikat tempatan. Hampir keseluruhan kemudahan RM400 juta untuk membiayai pembelian kapal telah diluluskan. Justeru itu, sebanyak RM200 juta lagi akan ditambah kepada kemudahan pembiayaan perkhidmatan perkapalan.

Malaysia sedang dibangunkan untuk menjadi pusat pasaran modal dan perkhidmatan yang ulung di Asia. Kita melakukan reformasi untuk sektor ini melalui program liberalisasi perkhidmatan perbankan dan kewangan KLOFFE dan Bursa Kewangan Malaysia (MME) telah mula berniaga dalam pasaran kewangan hadapan. Kita telah mengeluarkan garis panduan penyenaian syarikat-syarikat projek prasarana dan syarikat-syarikat asing. Belanjawan tahun ini mencadangkan segugus prakarsa baru yang bakal mengangkat sektor perbankan dan perkhidmatan kewangan ke taraf dunia. Antaranya ialah:

**(a) Perkhidmatan Broker Saham -**

Syarikat-syarikat broker saham tempatan dibenar menubuh syarikat amanah saham, pengurusan dana, menjalankan aktiviti taja jamin dan menerbitkan waran panggilan. Mulai sekarang broker saham dibenarkan untuk mengurus penyenaian syarikat dan jual beli saham melalui saluran elektronik tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Untuk mendapatkan kepastian, penyertaan ekuiti asing dibenarkan sehingga 49 peratus. Tetapi, Kerajaan juga akan memastikan penyertaan berkesan Bumiputera dalam sektor ini.

**(b) Perkhidmatan Pengurusan Dana -**

Empat syarikat pengurusan dana milik asing dan satu usahasama telah diluluskan. Cukai-cukai berkaitan khidmat pengurusan dana untuk memajukan industri tersebut di Malaysia akan diselaraskan. Saya mencadangkan:

- (i) kadar cukai konsesi sebanyak 10 peratus yang dinikmati oleh syarikat pengurusan dana asing ke atas pendapatan yang diperolehi daripada pengurusan dana dari luar Malaysia diperluaskan kepada pengurusan dana tempatan; dan
- (ii) keuntungan dana tertutup daripada pelaburan dikecualikan daripada cukai dan pemegang saham diberi pengecualian cukai pendapatan ke atas dividen yang diisytiharkan daripada pendapatan yang dikecualikan.

**(c) Bon Tanda Aras (Benchmark Bond) -**

Pasaran bon tempatan perlu diperkembang untuk membolehkan syarikat swasta menerbitkan bon dan menarik penyertaan kedua-dua institusi dan individu ke arah pembiayaan projek dan pelaburan. Kerajaan akan menerbitkan siri bon bukan filem yang boleh mewujudkan lengkung tanda aras pulangan (Benchmark Yield Curve) dalam pasaran sekuriti hutang swasta. Bon ini juga akan memenuhi prinsip syariah Islam dengan mempunyai ciri-ciri murabahah dan bai' al-dayn.

Kerajaan akan melonggarkan syarat-syarat pelaburan KWSP, BSN, PERKESO bagi membolehkan institusi-institusi ini melabur lebih banyak dalam sekuriti hutang swasta. Untuk tujuan ini, kadar pelaburan wajib institusi ini dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia akan diturunkan.

Agensi penilaian Kredit Malaysia Berhad (RAM) dan agensi penarafan kedua, Syarikat Penarafan Malaysia Berhad (MARC), akan menjalankan kegiatan penarafan bagi bon.

Pengurus dana digalakkan menerbitkan bon kepada orang awam dan tidak hanya menerbitkan bon secara penempatan tertutup (private placement). Institusi perbankan mampu menawarkan pelan simpanan yang mengandungi pelbagai instrumen pelaburan dari simpanan bank hinggalah kepada pelaburan bon.

**(d) Sistem Perbankan -**

Pelbagai langkah telah diperkenalkan untuk mendorong institusi kewangan meningkatkan daya saingan mereka, termasuk melaksanakan Sistem Kawalan Dua Kumpulan oleh Bank Negara Malaysia.

Umpamanya, bank-bank saudagar Kumpulan 1 telah pun dibenarkan berurusan dalam pertukaran wang asing dan melabur dalam saham yang disenaraikan di bursa saham ASEAN, manakala bank-bank perdagangan Kumpulan 1 kini boleh menjalankan kegiatan di pasaran saham dan perniagaan pinjaman serta derivatif ekuiti. Saya juga menggesa institusi kewangan yang besar memberi pertimbangan serius untuk bergabung, agar dapat memainkan peranan yang lebih penting di rantau ini.

**(e) Sistem Perniagaan Sekuriti Tanpa Skrip (SSTS) -**

Sistem instrumen tambahan kepada SSTS ini, Sistem Pemindahan Elektronik untuk Dana dan Sekuriti (SPEEDS) telah diperluas untuk merangkumi bon korporat yang tidak disenaraikan. Langkah ini bertujuan meningkatkan mudah-tunai di dalam pasaran bon.

**(f) Indeks Islam Bursa Saham -**

Dengan tujuan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan Islam serantau, satu Indeks Islam Bursa Saham akan diperkenalkan di BSKL. Indeks ini akan menyediakan satu petunjuk untuk syarikat-syarikat yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah.

**(g) Penubuhan 'Kaunter Teknologi' -**

Pasaran atas kaunter (OTC) akan diperkenalkan. Pasaran ini membolehkan saham syarikat berteknologi tinggi yang masih belum mempunyai rekod keuntungan diniagakan.

**(h) Lembaga Standard Perakaunan Malaysia -**

Bagi menjamin standard perakaunan serta pematuhan dan penguatkuasaan, rang undang-undang penubuhan Lembaga tersebut akan dibentangkan pada sesi persidangan Parlimen ini.

Undang-undang sekuriti luar pesisir akan digubal, Akta Syarikat Luar Pesisir akan dipinda bagi memungkinkan rakyat Malaysia memiliki syarikat luar pesisir dan syarikat luar pesisir bukan milik rakyat Malaysia membuat pelaburan portfolio di Malaysia. Selaras dengan ini, galakan akan diberi kepada aktiviti kewangan yang berasaskan prinsip Syariah termasuk sistem perbankan tanpa faedah, takaful, pengurusan dana wang dan pasaran hutang dan sekuriti hutang swasta. Bagi maksud ini, Akta Perbankan Luar Pesisir akan dipinda untuk membolehkan bank-bank saudagar dan bank-bank Islam beroperasi di Labuan. Saya mencadangkan galakan berikut:

- (a) mengecualikan cukai sebanyak 65 peratus daripada pendapatan berkanun syarikat yang memberi perkhidmatan profesional yang layak kepada syarikat luar pesisir.

Berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1997 hingga tahun taksiran 2000;

- (b) mengecualikan cukai pendapatan sebanyak 50 peratus daripada pendapatan kasar bagi pekerja-pekerja asing di peringkat pengurusan yang berkhidmat dengan syarikat luar pesisir, sehingga tahun taksiran 2000;
- (c) mengurangkan tempoh berada di Labuan untuk individu membawa keluar barangan bebas cukai yang layak, daripada 72 jam kepada 24 jam; dan
- (d) mengurangkan cukai jalan sebanyak 50 peratus.

Pada masa ini, pinjaman-pinjaman asing yang melebihi RM250 juta layak mendapat taraf pinjaman yang diluluskan dan dengan ini faedah yang dibayar kepada bukan pemastautin tidak dikenakan apa-apa cukai pegangan. Saya mencadangkan supaya peruntukan pengiktirafan pinjaman yang diluluskan ini dimansuhkan.

Pelaburan Malaysia di luar negara digalakkan mempunyai rantaian dengan kegiatan ekonomi dalam negeri dan digalakkan meminjam di luar negara supaya pembiayaan pelaburan tersebut tidak menyebabkan aliran keluar modal tempatan.

Meskipun pelaburan Malaysia di luar negara terus meningkat, keuntungan dan dividen dari pelaburan yang dibawa balik ke Malaysia masih rendah, hanya bertambah daripada RM1.2 bilion pada tahun 1994 kepada RM1.6 bilion pada tahun 1995. Untuk menarik pelabur Malaysia membawa pulang keuntungan, saya telah mengumumkan dalam Belanjawan 1995 pengecualian cukai kepada keuntungan yang dibawa balik. Sebagai langkah tambahan, had pegangan akaun mata wang asing oleh pengeksport Malaysia yang layak, dinaikkan daripada AS\$5 juta kepada AS\$10 juta. Selain daripada itu, pengeksport juga dibenarkan mengendalikan lebih daripada satu akaun matawang asing selagi mereka mematuhi had kelayakan.

Pertumbuhan IKS akan dirangsang bagi mengurangkan pergantungan yang berlebihan kepada import barang-barang perantaraan. Beberapa program khusus dilaksanakan bagi mengukuhkan rantaian industri terutamanya di antara syarikat besar dengan IKS sebagai pembekal komponen. Bagi menggalakkan syarikat memberi bantuan teknikal kepada IKS, saya cadangkan perbelanjaan syarikat besar menjalankan pengauditan kilang, melatih pekerja, menguji keluaran IKS, dibenarkan sebagai potongan bagi maksud cukai.

Saya juga mencadangkan IKS yang menyertai program rantaian industri tersebut dan mengeluarkan barangan perantaraan akan diberikan pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya untuk tempoh 5 tahun. Selanjutnya, mereka yang mengeluarkan keluaran bermutu yang berkeupayaan menembusi pasaran dunia pula akan diberi pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya untuk 10 tahun.

Bagi merangsang keusahawanan sebagai salah satu faktor mencergaskan ekonomi, sebanyak RM1 bilion disediakan bagi tahun 1997. Ini merangkumi program vendor, francais, Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera, Premis Inkubator, Skim-skim Kilang Bimbingan serta pinjaman, penyediaan tapak kilang, latihan usahawan dan penggunaan teknologi yang dikendalikan oleh Perbadanan Pembangunan IKS (SMIDEC).

Kandungan import sektor perkilangan tempatan khususnya barangan modal dan perantaraan adalah tinggi. Bagi membendung import dan meningkatkan keupayaan pengeluaran tempatan, saya cadangkan langkah-langkah berikut:

- (i) pengecualian duti import dan cukai jalan ke atas barangan gantian dan bahan gunahabis yang sekarang diberikan kepada



- syarikat pengilangan diberhentikan dengan serta-merta. Ini termasuklah skrew dan selak, penapis, injap, gasket, batu-bata relau, batu penggilap jubin, kertas pasir dan bahan pemangkin;
- (ii) pengecualian duti import dan cukai jalan ke atas peralatan hotel seperti pinggan-mangkuk, sudu garpu, peralatan bilik mandi, kain cadar dan selimut diberhentikan dengan serta-merta. Belilah di Malaysia. Walau bagaimanapun, perolehan barangan tempatan dan peralatan modal terpilih yang tidak dikeluarkan dalam negara akan terus diberikan pengecualian; dan
  - (iii) pengecualian duti import ke atas komponen yang digunakan dalam industri yang berbentuk operasi pemasangan dikurangkan secara berperingkat. Ini termasuk penyesuaian voltan (adaptor), tiub sinar katod (cathode ray tube), penala (tuner), unit kawalan jauh (remote control unit) bagi industri pemasangan televisyen; motor, pemampat (compressor), pemeluap (condenser), pengering (dryer), penyejat (evaporator) bagi industri pemasangan hawa dingin dan pemasangan kepala selinder, aci engkol (crank shaft) dan gegancu (sprocket) bagi industri pemasangan enjin motosikal. Sebagai permulaan, pengimportan komponen yang berduti import 5 peratus ke atas akan dikehendaki membayar sekurang-kurangnya 5 peratus, berkuatkuasa mulai permohonan yang diterima selepas hari ini. Bagi pasaran eksport, dasar pengecualian semasa masih dikekalkan.

Dalam Belanjawan yang lepas, saya telah mengumumkan supaya aktiviti pemulihan jentera berat disenaraikan sebagai aktiviti yang digalakkan. Langkah ini adalah bagi mendorong IKS bergiat di bidang industri baikpulih dan seterusnya meningkatkan mutu pelaburan jentera berat. Bagaimanapun, adalah didapati usaha untuk membaikpulih jentera berat terpakai masih tidak memuaskan kerana didapati banyak jentera berkenaan tersadai dan tidak digunakan. Sebagai langkah untuk memajukan industri pemulihan mesin dan kejuruteraan tempatan dan memandangkan jentera berat tidak dikenakan apa-apa duti import, saya mencadangkan duti import dikenakan di antara 5 peratus hingga 20 peratus ke atas jentera berat seperti jentolak, penggali tanah dan pelantak cerucuk.

Eksport dijangka meningkat sebanyak 4.1 peratus dalam tahun 1996, iaitu jauh lebih rendah berbanding dengan 20.2 peratus pada tahun 1995. Ini disebabkan oleh kemerosotan nilai eksport pertanian serta kadar peningkatan eksport perkilangan yang perlahan. Oleh itu, Kerajaan akan menggalakkan pelaburan dalam sektor eksport dengan meningkatkan daya saingan sektor eksport menerusi teknologi pengeluaran yang cekap, mutu keluaran yang lebih baik dan teknik pemasaran yang lebih agresif.

Pada masa ini, perolehan aset tidak ketara seperti paten, reka bentuk dan cap dagang tidak dibenarkan potongan untuk tujuan pengiraan cukai pendapatan. Memandangkan perolehan hak empunya (proprietary) akan menjimatkan masa yang diperlukan oleh syarikat Malaysia bagi memperolehi teknologi yang terkini tanpa perlu membangunkannya sendiri daripada peringkat awal, saya mencadangkan pembelian aset tidak ketara (intangible asset) berkenaan dibenarkan sebagai potongan.

Syarikat-syarikat multinasional berminat untuk menubuhkan Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC) bagi memusatkan aktiviti perolehan (procurement) untuk menjimatkan

kos perkhidmatan dan pembelian bahan-bahan mentah, komponen dan barangan siap. Saya mencadangkan supaya galakan-galakan berikut disediakan bagi IPC yang diluluskan:

- (a) kelonggaran membawa masuk pegawai dagang mengikut keperluan, mengendalikan beberapa akaun mata wang asing, menyertai kontrak tukaran hadapan mata wang asing dan mematuhi garis panduan mengenai had pemilikan ekuiti asing terhadap perniagaan runcit; dan
- (b) pengecualian cukai bagi membawa masuk bahan mentah, komponen dan barangan siap ke dalam kawasan zon bebas dan gudang pengilangan berlesen untuk tujuan pembungkusan semula, integrasi dan pengumpulan kargo sebelum pengagihan kepada pengguna.

Negara makmur bukan dengan kekayaan hartabenda semata-mata. Bahkan kemakmuran tidak mungkin mampan dan bertahan jika semata-mata mengutamakan penimbunan kekayaan dan mengabaikan keadilan serta meremehkan permasalahan sosial. Justeru itu, tatkala negara semakin makmur, agenda pembangunan sosial perlu semakin nyata dan kukuh.

Strategi merapatkan jurang antara bandar dan desa kekal sebagai agenda kritika. Rakyat desa harus bersama mansang dan tidak terabai dengan keghairahan umum mengejar kemajuan. Justeru itu, peruntukan pembangunan sejumlah RM7.051 bilion disediakan bagi pembangunan kawasan desa dan pendalaman. (*Tepuk*) Ini termasuk penyediaan prasarana asas seperti jalan dan bekalan air serta elektrik berjumlah RM726 juta. Lain-lain projek pengiktirafan taraf hidup penduduk desa termasuk Penempatan Semula Kampung-kampung Tradisional, Pusat Pertumbuhan Desa, Pemodenan Kampung serta juga program-program yang dikendalikan oleh jabatan dan agensi pembangunan wilayah dan tanah.

Dengan peruntukan tahunan yang begitu besar, agensi pelaksana seharusnya mengambil langkah-langkah pembaharuan dalam usaha membangunkan kawasan desa. Kemahiran dalam perusahaan kecil dan pertanian yang sedia ada di kawasan desa hendaklah dipertingkatkan dan diperkayakan supaya kemahiran tersebut dapat diperdagangkan selaras dengan kehendak industri. Di samping itu, galakan akan terus diberi kepada pembangunan industri desa.

Alhamdulillah, kejayaan sehingga kini memperkuatkan lagi azam kita bersama untuk mengurangkan kemiskinan kepada kadar 5.5 peratus menjelang tahun 2000 dan seterusnya membebaskan masyarakat dari kefakiran. Peruntukan besar berjumlah RM2.4 bilion disediakan untuk melaksanakan beberapa program termasuk bantuan kepada pelajar miskin, pembangunan kesihatan keluarga, dan pembangunan masyarakat Orang Asli.

Sejumlah RM200 juta disalurkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) untuk diagihkan kepada masyarakat dhaif menggunakan pendekatan baru dengan menyediakan pinjaman modal bagi menjalankan perniagaan dan perusahaan kecil. Sejumlah 58,000 lagi isirumah termiskin dijangka menikmati bantuan ini. Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) akan diperteguh dengan peruntukan sebanyak RM289 juta untuk tahun hadapan bagi pembangunan golongan fakir di kampung-kampung tradisional secara bersepadu.

Dengan peruntukan kewangan yang besar serta penglibatan cergas sektor swasta, seharusnya masalah kemiskinan dapat ditangani dengan lebih berkesan. Syaratnya ialah pengurusan kewangan yang berhemat oleh jabatan dan agensi yang terlibat serta pertanggungjawaban yang lebih oleh badan-badan bukan Kerajaan (NGO) dan kebajikan agar dana dibelanjakan dengan berhemat dan menepati kumpulan sasar.

Institusi kewangan merupakan benteng pertahanan moral dan tunjang keutuhan masyarakat. Kepincangan sosial tidak semestinya membengkak seiring dengan kemakmuran. Lantaran itu, usaha membanteras kebejatan perlu digerakkan melalui kesedaran meluas dan penyertaan semua. Betapa sekalipun kebijaksanaan penyelesaian dikemukakan, peranan asas institusi keluarga perlu diutamakan. Peruntukan khas sejumlah RM50 juta disediakan untuk merencana dan menyegarkan institusi keluarga.

Kita juga akur dengan peranan strategik NGO untuk meniupkan roh keadilan dan nafas penyayang dalam masyarakat. Justeru itu, Kerajaan akan meningkatkan bantuan kewangan bagi badan-badan bukan Kerajaan dan kebajikan kepada RM50 juta termasuk sejumlah RM10 juta untuk Yayasan AIDS Malaysia, RM5 juta bagi Persatuan Kebangsaan Kanser Malaysia. Sejumlah RM280.7 juta disediakan untuk tahun 1997 bagi mengendalikan bantuan kebajikan, memperlengkapkan institusi warga tua, tempat perlindungan dan pemulihan kanak-kanak, remaja dan golongan kurang upaya. RM149 juta disediakan untuk program pemulihan dadah di bawah Agensi Dadah Kebangsaan dan jabatan berkaitan. Tenaga dan pembiayaan diperlukan kian meningkat kerana masalah yang bertambah genting.

Untuk merangsang sektor swasta membuat kajian dan melaksana kegiatan mengatasi masalah sosial, saya mencadangkan supaya sumbangan wang tunai bagi maksud ini diberi potongan cukai. Sumbangan itu hendaklah dibuat kepada akaun amanah.

Pembinaan rumah kos rendah dan sederhana merupakan agenda sosial mendesak yang terus diberi keutamaan. Melalui Tabung Perumahan Kos Rendah sebanyak 116,449 unit rumah telah diluluskan untuk pembinaan. Di samping itu, di bawah Rancangan Malaysia Ke-7, sebanyak 170,000 unit akan dibina oleh sektor awam sementara 380,000 unit oleh sektor swasta. KWSP juga turut terlibat bersama sektor swasta untuk membina 5,820 unit rumah. Sebagai langkah untuk memantapkan program pembangunan perumahan kos rendah dan sederhana, saya mengumumkan penubuhan Syarikat Perumahan Negara dengan dana permulaan sebanyak RM1 bilion. *[Tepuk]*. Syarikat ini akan membantu pemaju membina lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana supaya lebih ramai rakyat memiliki rumah.

Di bawah program perumahan kakitangan awam pula, Kerajaan memperuntukkan RM974.6 juta bagi tahun 1997, meliputi projek perumahan Angkatan Tentera (ATM), Polis (PDRM), rumah kakitangan Imigresen, Kastam dan Penjara, bukan penjara, rumah pegawai penjara, rumah-rumah guru di desa dan bantuan pinjaman kepada negeri-negeri untuk program perumahan kos rendah.

Dalam Belanjawan 1994, saya telah mengumumkan elaun bangunan khas ke atas perbelanjaan penginapan untuk pekerja di sektor perkilangan. Elaun tersebut adalah sebanyak 10 peratus bagi setiap tahun. Untuk menggalakkan penyediaan kemudahan yang sama kepada pekerja, saya mencadangkan supaya elaun bangunan khas ini diperluaskan kepada sektor perkhidmatan yang diluluskan.

Sebanyak RM3.4 bilion diperuntukkan untuk meneruskan usaha memperbaiki taraf dan mutu perkhidmatan perubatan, memperkenalkan teknologi baru, memperluas perkhidmatan kepakaran ke hospital negeri, daerah serta memperkukuh perkhidmatan kecemasan dan rawatan prahospital. Sebanyak 23 buah hospital baru, 77 buah klinik kesihatan baru dijangka akan dibina pada tahun 1997 agar lebih merata ke desa dan kawasan pedalaman. *[Tepuk]*. Klinik-klinik kesihatan terutamanya di desa dan kawasan pedalaman akan dilengkapi dengan peralatan dan perkhidmatan makmal yang lebih moden dan kemaskini untuk menjadi nadi bagi jagaan asas kesihatan.

Sementara Kerajaan bertanggungjawab menyediakan prasarana dan perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan sokongan di semua hospital Kerajaan seperti perkhidmatan

pengurusan sisa klinikal, pembersihan, dobi, penyelenggaraan kemudahan kejuruteraan dan kejuruteraan biomedik diswastakan. Pelaksanaan melibatkan 2,600 anggota Kerajaan yang ditawarkan untuk berkhidmat dengan syarikat-syarikat berkenaan. Dengan meningkatnya jumlah hospital swasta/persendirian, Kerajaan bercadang memperketat garis panduan agar bantuan kepada golongan berpendapatan rendah tidak diabaikan. Antara cadangan yang dipertimbangkan ialah hospital swasta (persendirian) dikehendaki menyediakan dana khas dan juga kemudahan perubatan serta wad khas yang mampu dibayar oleh golongan pesakit berpendapatan rendah. [Tepuk].

Untuk menjadikan Malaysia pusat perubatan bertaraf antarabangsa, bayaran perkhidmatannya wajarlah berpatutan. Pada masa ini hospital persendirian dikenakan cukai perkhidmatan ke atas beberapa perkhidmatan disediakan seperti khidmat nasihat perubatan, penggunaan peralatan perubatan dan penyediaan tempat tinggal. Bagi mengurangkan kos yang ditanggung pesakit, pengenaan cukai perkhidmatan ke atas hospital persendirian dikaji semula. Dengan ini, saya mencadangkan cukai perkhidmatan untuk perubatan, penggunaan peralatan perubatan ditarik balik dan dikenakan hanya ke atas penyediaan tempat tinggal dan makanan sahaja. [Tepuk]

Kerajaan akan melaksanakan Program Kesihatan Warga Tua merangkumi aktiviti penjagaan, perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan di peringkat komuniti, hospital dan institusi-institusi warga tua. Pelaksanaan program ini dalam tempoh tahun 1997 hingga 2000 akan menelan belanja RM52 juta.

Bagi meringankan beban yang ditanggung oleh pesakit-pesakit yang menghidap penyakit yang sukar diubati seperti kanser, HIV/AIDS, penyakit buah pinggang, leukemia dan seumpamanya, saya mencadangkan pelepasan cukai diberi kepada pembayar cukai individu sehingga had maksimum RM5,000 atas perbelanjaan perubatan bagi individu sendiri, pasangan atau anak-anak mereka. [Tepuk]

Sejumlah RM60.2 juta disediakan untuk melaksanakan program Rakan Muda supaya dapat membanteras gejala sosial. Kumpulan sasaran bagi program ini adalah belia dari umur 18 hingga 25 tahun yang meliputi kumpulan lepasan sekolah. Objektif program untuk memberi kemahiran dan kefahaman tentang pengertian jatidiri budaya dan seterusnya melatih belia dalam kemahiran dan ketrampilan.

Permasalahan wanita harus dilihat dalam konteks keadilan dan tidak terhambat kerana prasangka berdasarkan jantina. Justeru itu, keluhan mereka yang merujuk kepada isu pendidikan, kesihatan dan ekonomi, kelemahan penguatkuasaan dan pentadbiran mahkamah syariah memerlukan tindakan saksama. Pelan Tindakan Pembangunan Wanita digubal bagi menyediakan strategi membangunkan wanita dalam segala bidang. Pendekatan yang digunakan kini lebih sepadu dan menuntut semua agensi dan jabatan melibatkan kegiatan wanita secara aktif. Pertubuhan-pertubuhan wanita seperti NCWO, NACIWID, PERTIWI dan Institut Pengurusan Wanita akan turut dibantu melalui peruntukan khas RM50 juta yang disediakan [Tepuk].

Kita yakin Islam boleh memberi pengarah dalam pembangunan masyarakat dan pendorong kepada keadilan dan kestabilan. Tetapi nilai ini bergantung kepada penyampaian yang mengutamakan nilai-nilai asas dan positif dan mengetepikan persoalan furu' dan remeh-temeh. BAHEIS yang dinaikkan taraf sebagai Jabatan Kemajuan Islam akan menjalankan program memperteguh akidah dan memantapkan kedudukan rantau ini sebagai benteng Ahli Sunnah wal Jamaah. Sistem pentadbiran Islam dan mahkamah syariah akan disusun semula agar lebih cekap; sementara kelas Fardhu 'Ain dan Al-Quran (KAFA) akan dibiayai sepenuhnya dengan peruntukan RM125.7 juta. [Tepuk] Pendidikan dan Pengajian Islam di sekolah, maktab hingga universiti, termasuk Universiti Islam Antarabangsa melibatkan peruntukan hampir RM1 bilion. Selaras dengan gesaan untuk melancarkan gerakan reformasi, pendidikan Islam harus diarah kepada kefahaman

dan penghayatan agar lebih berkemampuan menangani persoalan semasa yang lebih mencabar. Antara yang perlu ditegaskan ialah pendekatan yang menggunakan prinsip keutamaan - *fiqh-ul awlawiyat* atau seperti yang diisyaratkan dalam perbidalan; jangan habis waktu solat kerana azan; yakni terlalu lanjut membicarakan soal sunat sehingga meninggalkan hal yang wajib.

Bagi menyemarakkan kegiatan kebudayaan dan kesenian, lebih banyak lagi acara dan kemudahan akan disediakan. Panggung Negara yang dibina dengan kos RM195 juta dijangka siap dalam tahun 1997 dan mampu memenuhi keperluan ini.

Bagi merangsang pihak swasta ikut sama bergiat memperkaya senibudaya dan menyegarkan warisan negara, saya mencadangkan supaya sumbangan mereka untuk maksud tersebut diberi potongan dalam pengiraan cukai pendapatan. Ini termasuklah:

- (a) Sumbangan wang tunai kepada akaun amanah bagi menaja persembahan orkestra, teater dan persembahan-persembahan kebudayaan lain yang diiktiraf sebagai budaya nasional;
- (b) Penubuhan kumpulan kebudayaan dan keseniannya sendiri; dan
- (c) Sumbangan wang tunai kepada akaun amanah bagi tujuan membiayai penyelidikan dan pelaksanaan aktiviti tertentu berkaitan pemuliharaan warisan negara.

Selain itu, sumbangan artifak atau manuskrip oleh syarikat atau individu dibenar sebagai potongan bagi maksud cukai.

Di samping itu, bagi meningkatkan lagi mutu persembahan kebudayaan, saya juga mencadangkan agar insan seni iaitu pelakon, penari, penyanyi, pemuzik, penggubah lagu dan penulis lirik saya kira termasuk pelawak [*ketawa*] yang mengambil bahagian, dalam persembahan yang diiktiraf sebagai budaya nasional tidak termasuk Michael Jackson [*ketawa*] diberi pengecualian cukai di atas pendapatannya bagi persembahan tersebut. [*Tepuk*]

Pemuliharaan alam sekitar akan berkesan melalui kesedaran meluas dan tindakan penguatkuasaan yang tegas. Akta kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dipinda untuk mempertingkatkan pemuliharaan sumber melalui galakan kitar semula bahan buangan, kualiti pengurusan industri melalui audit alam sekitar, prinsip "pencemar kena bayar" dan kutipan ses daripada pencemar untuk Tabung Alam Sekitar. Peraturan baru yang sedang digubal meliputi kawalan pelepasan enjin petrol dan motosikal dan aktiviti pembersihan tangki kapal serta industri penyudahan logam.

Alam sekitar perlu dipulih dan dipelihara untuk kita warisi pada generasi akan datang, anak kita, cucu, cicit, piut, oneng-oneng. Program pemuliharaan diberi pertambahan ketara dari tahun sebelumnya sebanyak RM265.4 juta. Ini termasuk pengendalian rancangan perparitan dan tebatan banjir, mencegah hakisan pantai, projek pengairan dan saliran, pengurusan sungai, pengawalan kualiti udara dan air, program bersih dan indah, dan rancangan pembangunan hutan.

Kenderaan bermotor merupakan punca utama pencemaran udara di bandar-bandar besar. Dengan siapnya Projek Penggunaan Gas Semenanjung (Peninsular Gas Utilization) menjelang tahun 1998, prasarana penyaluran gas asli untuk kenderaan (Natural Gas for Vehicles (NGV) sebagai sumber tenaga yang bersih dapat digunakan. Bagi menggalakkan penggunaan NGV yang lebih meluas, saya mencadangkan:

- (i). Pengeluar kenderaan tempatan diberi pengecualian cukai ke atas peralatan bagi mengubahsuai kenderaan untuk mengguna NGV;
- (ii). Pemilik kenderaan (monogas) diberi pengurangan cukai jalan sebanyak 50 peratus, manakala pemilik kenderaan yang menukar kepada gas asli diberi pengurangan cukai jalan sebanyak 25 peratus; dan
- (iii). Syarikat pengangkutan yang menggunakan bas gas asli sepenuhnya dibenarkan menuntut elaun modal dalam tempoh 3 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, strategi dan langkah-langkah pelaksanaan yang terkandung dalam cadangan Belanjawan ini mencerminkan hasrat luhur Kerajaan untuk mempertingkatkan kesejahteraan dan mutu hidup rakyat. Inilah prinsip dan kasad pemerintahan Barisan Nasional [*Tepuk*]. Hasil dayausaha kita untuk mengatakan prasetia kepada rakyat selama ini adalah jelas dan hakiki. Kita amat bersyukur kepada Allah swt dan berterima kasih kepada rakyat Sarawak kerana sokongan padu kepada Kerajaan Barisan Nasional dalam pilihan raya bulan lalu. [*Tepuk*] Ini mempasakkan lagi iltizam Kerajaan untuk mempertingkatkan usaha mengangkat martabat rakyat dan negara, insya-Allah.

Demokrasi akan berfungsi sebaik-baiknya bila ada perpaduan di kalangan rakyat. Sebaliknya jika rakyat berpecah-belah, akan bertaburlah kesumat, prasangka dan hasad antara golongan dan kabilah, atau antara satu kaum dengan kaum yang lain. Dengan semangat perpaduan ini, marilah kita mengalu-alukan kepulungan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Semangat 46 [*Tepuk*] yang mendakap kembali UMNO dan Barisan Nasional, laksana digambarkan oleh pantun:

*Bagaimana tidak ku belok,  
Batu Berendam sebelah kiri,  
Bagaimana tidak ku peluk,  
Sudah ku dendam selama ini. [*Tepuk*]*

Paksi yang mengutuhkan persatuan rakyat, yang menstabil dan memakmurkan negara ialah demokrasi. Kerana demokrasi ala Malaysia ialah demokrasi yang berasaskan prinsip syura, yang terpujuk sebagai wasilah untuk mencapai keadilan, kesaksamaan dan keperkasaan rakyat. Betapa pentingnya demokrasi demi keadilan jelas terungkap oleh pemikir agama abad ini, Reinhold Neibuhr, dengan izin, "*man's capacity for justice makes democracy possible, but man's inclination to injustice makes democracy necessary.*"

Perpaduan dan muafakat memberikan kita kekuatan untuk menjawab tantangan ekonomi tahun hadapan. Ekonomi dunia dijangka tumbuh pada kadar 4.1 peratus. Pertumbuhan ekonomi Jepun dan Eropah Barat akan menerajui pertumbuhan negara-negara industri sementara negara-negara Asia Timur diramal mencatat pertumbuhan 7.1 peratus. Perdagangan dunia dijangka meningkat sebanyak 7.1 peratus, tetapi kita perlu bersedia menghadapi persaingan yang lebih hebat baik dalam sektor barangan mahupun sektor perkhidmatan. Pada umumnya, senario antarabangsa menggalakkan ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar 8.0 peratus. Pertumbuhan akan diterajui oleh sektor perkhidmatan yang dijangka tumbuh cergas pada kadar 12.5 peratus. Pelaburan swasta dijangka melonjak sebanyak 13.7 peratus. Sektor eksport akan terus tegap dan sektor perkhidmatan meningkat sebagai penjana pertukaran asing dan mendorong kepada akaun semasa imbangan pembayaran yang lebih baik. Inflasi pula diramal terus rendah.

Semua asas ekonomi Malaysia utuh kecuali imbalan pembayaran. Jangan kita gawat dengan masalah ini. Kesulitan dalam imbalan pembayaran perlu dilihat sebagai "birth pangs of a new economic era." Yang hendak kita lahirkan ialah ekonomi abad ke-21. Untuk menjamin ekonomi Malaysia abad ke-21 selamat lahir dan kandungan tidak keguguran, ekonomi kita perlu melakukan transformasi. Kita perlu melonjak pantas ke zaman digital. Sektor perkhidmatan perlu direvolusikan. Belum pernah perkhidmatan diberikan tumpuan seperti yang dikemukakan dalam Belanjawan ini.

Reformasi pentadbiran diteruskan untuk memperkemas pengurusan perkhidmatan awam. Tenaga kerja akan terus dikurangkan melalui penswastaan dan peningkatan kecekapan. Beberapa Lembaga Kemajuan Wilayah akan dibubarkan dan beberapa agensi digabungkan. Namun kita amat menghargai sumbangan dan dedikasi mereka, Kerajaan mencadangkan pemberian bonus satu bulan gaji dengan jumlah minimum RM700 bagi golongan gaji terendah, untuk semua Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan dan kumpulan setaraf dengannya bagi anggota polis dan tentera. Pemberian ini melibatkan perbelanjaan RM1 billion dan akan dibayar dalam tahun ini juga.

Baru-baru ini juga Perdana Menteri yang kita kasihi, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru supaya kita bermuhasabah, lantas menegaskan tentangan beliau terhadap amalan rasuah. Ia ibarat barah yang perlu dibanteras dan dicabut akar umbinya. Rasuah adalah ibarat api dalam sekam. Selagi kecil ia merosakkan sekam, apabila besar ia membakar alam.

Ingatlah amaran keras Nabi Muhammad s.a.w.: *"Allah melaknat penerima, pemberi dan pengantara rasuah"*.

Dengan memupuk pemuafakatan nasional kita akan mengembleng kekuatan untuk membina jambatan ke abad 21 dan alaf baru, jambatan yang kita maksudkan ialah ketangkasan ekonomi dan keadilan sosial.

Cita-cita kita untuk menjayakan keadilan ekonomi, membela rakyat dan menegakkan demokrasi didorong oleh semangat al-Qur'an, *"Janganlah kamu merugikan (menafikan) manusia terhadap hak-hak mereka."* Inilah juga cita-cita yang mendasari konsep masyarakat madani iaitu masyarakat yang didorong oleh kebebasan, kekuatan moral dan sifat-sifat terpuji.

Sebagai satu bangsa, yang ingin kita bina bukan sekadar ekonomi yang mansang. Seperti yang diungkap oleh Perdana Menteri baru-baru ini, kasad dan iltizam kita adalah untuk membina tamadun. Tetapi membina tamadun merupakan hasrat yang maha berat. Ini dimaksudkan oleh Kung Fu Tze sebagai "Shin Min" - memperbarui tekad dan akalbudi rakyat. Kekayaan dan kemakmuran merupakan unsur penting dalam membina tamadun, tetapi sesuatu bangsa hanya melahirkan tamadun apabila mempunyai sumbangan yang jitu terhadap kemanusiaan sejagat, sumbangan yang menampilkan ketinggian darjat insan, kehebatan akalnyanya dan kekayaan fikrah dan daya cipta. Maka kita perlu memperkasa budaya untuk menggilap kesedaran terhadap nilai-nilai sejagat yang mengangkat darjat insan, merangsang kegiatan akhlah seperti penulisan yang mengimbau masyarakat kepada kebenaran dan pengucapan seni yang menyegarkan jiwa kepada keindahan.

Jika ini yang kita cita-citakan, maka bangsa perlu bersedia dan mustaid melakukan islah dan reformasi dalam pelbagai bidang, ekonomi, politik dan kebudayaan. Tiada slogan yang lebih baik untuk menjayakan cita-cita ini dari pernyataan Nabi Allah Syuaib a.s dalam al-Qur'an mengenai Islam mastataq - "Hanya yang aku mahu ialah melakukan islah (reformasi) dengan segenap daya dan upaya."

Tuan Yang di-Pertua, ikhtiar menjalani, untung menyudahi - manusia mengikhtiarkan, Allah mentakdirkan!

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. *[Tepuk]*

**Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### USUL

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan bahawa Usul di atas nama saya di dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM17,268,654,900 (Ringgit Malaysia Tujuh Belas Billion, Dua Ratus Enam Puluh Lapan Juta, Enam Ratus Lima Puluh Empat Ribu, Sembilan Ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1997, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 1996, adalah diuntukkan di bawah Maksud-Maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut"

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66(3), perbahasan di atas usul-usul bagi bacaan kali yang kedua atas Rang Undang-undang Perbekalan 1997 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1997 hendaklah ditangguhkan pada suatu tarikh tidak kurang daripada dua hari setelah usul-usul tersebut dicadang dan disokong. Oleh yang demikian, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 28hb. Oktober, 1996.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 5.27 petang.**